

30 JAN 2003

Mahathir-Air/I

MALAYSIA TERUS BEKALKAN AIR SELEPAS 2061

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan terus membekalkan air kepada Singapura selepas berakhirnya perjanjian pada 2061 tetapi ianya akan merupakan air yang dirawat pada harga yang lebih tinggi.

"Kami berhasrat untuk terus membekalkan air kepada mereka. Hakikatnya, kami memberi jaminan kepada rakyat Singapura bahawa kami akan sentiasa membekalkan mereka dengan air yang secukupnya untuk mereka minum dan mandi," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

"Kami akan membekalkan mereka dalam bentuk air yang dirawat, dan sudah tentunya merawat air memerlukan wang dan oleh itu kami akan menjual air yang dirawat kepada mereka pada harga yang lebih tinggi," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata bukanlah tujuan Malaysia untuk menghalang rakyat Singapura daripada mendapatkan air dan laporan sebuah akhbar tempatan yang menyatakan bahawa Malaysia akan berhenti dari membekalkan air kepada Singapura pada tahun 2061, adalah salah tetapi sebaliknya ia hanyalah berkaitan air mentah.

Beliau berkata rakyat Malaysia menganggap rakyat Singapura sebagai jiran atau abang dan kakak memandangkan banyak rakyat Malaysia yang mempunyai saudara mara di sana, dan begitu juga sebaliknya.

Mengenai kajian semula harga air yang Malaysia bekalkan kepada Singapura, beliau berkata adalah tidak munasabah untuk mencadangkan bahawa Malaysia perlu terus menjual kepada mereka air mentah pada harga tiga sen bagi setiap seribu gelen sehingga 2061.

Beliau berkata : "Sudah tentu kita perlu menaikkan harga dan ianya dalam lingkungan perjanjian kita. Perjanjian itu menyatakan bahawa selepas 25 tahun kita boleh mengkaji semula harga air tetapi tiada had masa yang diberikan.

"Jika ianya (perjanjian) menyatakan sebaik sahaja anda mencapai 25 tahun, anda perlu mengkaji semula secara serta merta, itu merupakan satu perkara lain tetapi ia bukanlah apa yang terkandung dalam perjanjian."

Perdana Menteri berkata dakwaan bahawa masalah bekalan air bukanlah soal mengenai harga air tetapi satu persoalan mengenai kedaulatan Singapura merupakan rekaan Menteri Luar Singapura S. Jayakumar.

Dr Mahathir berkata Jayakumar sudah tentunya tahu bahawa Malaysialah yang memberikan Singapura status sebagai sebuah negara berdaulat.

Katanya sebelum ini, Singapura hanya sebahagian dari Malaysia dan tiada sebab mengapa Malaysia perlu menjejaskan kedaulatan republik berkenaan.

Beliau berkata dalam mana-mana kes pun, adalah tidak masuk akal untuk mencadangkan bahawa kedaulatan merupakan fungsi harga air.

Beliau berkata: "Kami menjual air kepada mereka selama ini sungguhpun pada masa mereka merupakan sebuah jajahan British di mana tiada persoalan mengenai kedaulatan dibangkitkan. Kini mereka cuba untuk mengaitkannya dengan kedaulatan secara mengatakan bahawa harga air tidak mustahak.

"Saya amat yakin bahawa ianya (harga air) tidak mustahak bagi mereka kerana ianya untuk berjuta-juta dolar ketika Singapura mempunyai 88 billion dolar dalam rizab. Mereka boleh membayar sejumlah wang yang kita minta tanpa menjejaskan sedikitpun bajet mereka memandangkan mereka sangat kaya."

-- BERNAMA

MFZ MFJ ROS